

## NASIONALISME DALAM NOVEL *PANGGIL AKU MELAJU*

TENGKU INTAN MARLINA TENGKU MOHD ALI

Universiti Malaya

[inmarlin@um.edu.my](mailto:inmarlin@um.edu.my)

MAWAR SAFEI

Universiti Kebangsaan Malaysia

[mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

KAMARIAH KAMARUDIN

Universiti Putra Malaysia

[kkamaria@upm.edu.my](mailto:kkamaria@upm.edu.my)

MAHARAM MAMAT

Universiti Kebangsaan Malaysia

[maharam@ukm.edu.my](mailto:maharam@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Nasionalisme Melayu merujuk kepada kefahaman yang menjunjung tinggi rasa cintakan akan bangsa Melayu dan tanah air, iaitu Malaysia. Oleh yang demikian, bahasa sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan nasionalisme Melayu kerana bahasa Melayu turut menjadi simbol kepada akar budaya bangsa Melayu. Kajian ini menganalisis novel *Panggil Aku Melaju* (*PAM*) oleh Rahmat Haroun Hashim (2008) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini sesuai untuk dikaji dari sudut nasionalisme kerana novel ini mengandungi isu bahasa Melayu dan polemik Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). Novel *PAM* jelas memaparkan permasalahan yang berlaku di negara kita terutama dalam bidang bahasa Melayu. Objektif kajian adalah untuk melihat sejauh manakah nasionalisme diungkapkan dalam novel *PAM*? Kajian ini menggunakan pendekatan melalui konsep nasionalisme dengan merujuk kepada Hans Kohn (1965), Sukarno (1988), Sriyanti et. al (2009), dan Elie Kedourie (1966). Garapan novel ini banyak mengandungi semangat nasionalisme yang memperjuangkan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu di negara ini. Unsur-unsur psikologi digarapkan dengan berkesan dalam cerita sehingga menjadikan novel ini menarik diuraikan dari sudut nasionalisme. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa unsur nasionalisme terungkap dalam novel *PAM* dengan semangat kecintaan terhadap bahasa Melayu. Unsur-unsur psikologi mempunyai lapisan makna yang berkaitan dengan nasionalisme.

**Kata Kunci:** *Panggil Aku Melaju*, Rahmat Haroun, nasionalisme, bahasa Melayu, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI).

## NATIONALISM IN THE NOVEL *PANGGIL AKU MELAJU*

### ABSTRACT

Malay nationalism refers to the understanding of upholding the love for the Malay race and the homeland, namely Malaysia. Therefore, language cannot be separated from Malay nationalism because the Malay language is also a symbol of Malay cultural roots. This study analysis the novel *Panggil Aku Melaju* (PAM) by Rahmat Haroun Hashim (2008) published by Dewan Bahasa dan Pustaka. This novel is suitable for analysis from the point of nationalism because it contains the Malay language issues and polemics in the Teaching and Learning of Science and Mathematics in English (PPSMI). The novel clearly illustrates problems especially with regards to the issue of the position of the Malay language that occur in our country. The purpose of the study is to analysis how far nationalism is expressed in the novel *PAM*. This study uses a conceptual approach of the concept of nationalism by Hans Kohn (1965), Sukarno (1988), Srijanti *et. al* (2009), and Elie Kedourie (1966). The novel contains elements of nationalism that strive for the position and importance of the Malay language in this country. The elements of psychology are found to be effective in the story by making the novel interesting as described from the point of nationalism. The findings have shown that the element of nationalism is revealed in the novel through a passion for the Malay language. The psychological elements indeed reflect implicit meanings related to nationalism.

**Keywords:** *Panggil Aku Melaju*, Rahmat Haroun, nationalism, the Malay Language, Teaching and Learning of Science and Mathematics in English (PPSMI)

### PENGENALAN

Novel *Panggil Aku Melaju* (2008) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, karya Rahmat Haroun Hashim merupakan novel yang memperlihatkan nasionalisme melalui kecintaan terhadap bahasa Melayu. Dalam era globalisasi, ketika bahasa Inggeris dimartabatkan sebagai bahasa intelektual dan bahasa ekonomi, bahasa Melayu dipinggirkan dalam masyarakatnya sendiri. Hal ini digambarkan melalui watak Dr Ridzuan, seorang ahli arkeologi dan pejuang bahasa Melayu yang terkenal di salah sebuah universiti tempatan. Akibat daripada kecintaannya terhadap bahasa Melayu, dia diserang penyakit mental yang serius sehingga terpaksa dirawat di Institut Mental Negara. Kajian ini menganalisis novel *Panggil Aku Melaju* oleh Rahmat Haroun Hashim (2008) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini mengisahkan pesakit-pesakit jiwa di Institut dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) menerusi sistem Mental Negara (IMN) dan ketidakpuasan hati tindakan kerajaan dalam melaksanakan pengajaran pendidikan sekolah di tanah air. Novel ini banyak mengungkapkan tentang kepentingan bahasa Melayu yang wajar dipertahankan agar bahasa Melayu tidak terus dipinggirkan di tanah air sendiri. Garapan novel ini banyak mengandungi semangat nasionalisme yang mempertahankan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu di negara ini. Unsur-unsur psikologi digarapkan dengan berkesan dalam cerita sehingga menjadikan novel ini menarik diuraikan dari sudut nasionalisme. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah untuk melihat sejauh manakah nasionalisme diungkapkan dalam novel *Panggil Aku Melaju*?

## SOROTAN LITERATUR

Terdapat empat kajian berkenaan dengan nasionalisme dan novel *Panggil Aku Melaju*. Suharmono K. (2012) dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Nasionalisme Dalam Dua Novel Emigran Malaysia” dibentangkan dalam Konferensi Internasional Kesusastraan XXII Uny-Hiski. Kajian berkenaan menganalisis semangat nasionalisme dalam novel-novel dihasilkan penulis Indonesia yang berhijrah ke Malaysia (Arena Wati) meneliti sejauh manakah rasa nasionalisme terhadap negara asal dan negara baharu tempat berlindung. Kajian ini mendapati bahawa unsur nasionalisme dalam novel-novel Arena Wati sangat terserlah melalui watak yang diketengahkan sebagai pejuang yang melawan penjajah. Walaupun pengarang ini sudah berhijrah ke Malaysia dan menukar kewarganegaraan, namun karya yang dihasilkan masih berlatarbelakangkan Indonesia. Watak dan latar juga berasal dari Indonesia. Karya ini masih lagi menunjukkan kecintaan terhadap negara asal dan tinggi nilai patriotiknya. Kajian ini menumpukan nasionalisme dalam novel-novel Arena Wati, manakala kajian sekarang menumpukan nasionalisme dalam novel Rahmat Haroun.

Nasionalisme dan patriotik saling berkaitan, iaitu tentang kecintaan seseorang terhadap negara tempat kewarganegaraannya. Hal ini berkaitan kesedaran fikiran dan kecintaan kepada tanah air, bangsa dan negara sendiri. Kajian Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat (2015) dalam kertas kerja seminar yang bertajuk “Patriotisme dalam Novel komsas Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu (SeAPM) 2014, IPG Keningau-DBP, 9-11 September 2014, Hotel Keningau Sabah menganalisis kehadiran semangat patriotik dan nasionalisme dalam 19 buah novel KOMSAS menggunakan Teori Takmilah berasaskan tujuh prinsip yang terdapat dalam teori tersebut. Kajian ini berpendapat bahawa pembinaan khalayak muda di sekolah sebagai satu bangsa harus dimantapkan dengan asas patriotik yang kuat seiring dengan konsep langit terbuka hari ini. Pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian membuka mata dan pandangan yang luas khalayak muda untuk berfikir sebelum bertindak. Hasil kajian ini mendapati bahawa semangat patriotisme dalam karya menggarapkan tanggungjawab pengarang, pembaca dan mesej yang diselitkan, tanpa mengabaikan keindahan berkarya dan nilai-nilai estetika. Kajian lepas menganalisis semangat patriotik dan nasionalisme dalam novel-novel KOMSAS dengan menggunakan Teori Takmilah, manakala kajian sekarang menumpukan kajian terhadap nasionalisme dalam novel *Panggil Aku Melaju*.

Seterusnya, kertas kerja Mohammad Haris Abd Azis (2016) yang bertajuk “Keunggulan Dan Nilai Lagu Patriotik Berdasarkan Aspek Pemilihan Kata Dalam Lirik dan Kesesuaian Elemen Muzik” dalam International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Kertas kerja ini diterbitkan dalam Proceeding of ICECRS. Kertas kerja ini melihat lagu-lagu patriotik sebagai salah satu jambatan yang menghubungkan antara manifestasi pengkarya dan pemupukan semangat patriotik. Kajian beliau meneliti kekuatan kata dalam 78 buah lagu berunsurkan patriotik yang berfungsi untuk menyuntik semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Analisis kajian lirik ini menggunakan kaedah pautan AntConc, seterusnya leksikal utama (kata adjektif) mengikut jumlah kekerapan dikategorikan berdasarkan fokus kajian. Kajian ini mendapati bahawa terdapat keunggulan dan kreadibiliti lagu-lagu patriotik di Malaysia dan masih dianggap relevan, tidak jauh tersasar daripada maksud dan tujuan asal lagu tersebut digubah serta berhasil menimbulkan semangat patriotik dalam kalangan pendengar. Penyesuaian ciptaan lagu patriotik juga diambil kira tanpa mengabaikan keutuhan nilai-nilai berkaitan patriotisme, memandangkan generasi hari ini mempunyai mentaliti dan cita rasa yang jauh berbeza dengan generasi terdahulu. Analisis tentang unsur patriotik dalam lagu difokuskan dalam kajian lepas ini, manakala kajian sekarang memfokuskan tentang nasionalisme dalam novel.

Noor Azlin Ayuni Binti Mohd (2015) menyiapkan kajian Sarjana Pengajian Melayu bertajuk “Novel *Panggil Aku Melaju*: Analisis Psikologi Watak dan Pengarang” di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kajian ini merupakan satu kajian yang dilakukan terhadap novel *Panggil Aku Melaju* oleh Rahmat Haroun Hashim (2008). Dalam kajian ini, novel kajian untuk dianalisis mengenai aspek kejiwaan watak-watak dan psikologi pengarang dengan menggunakan teori psikoanalisis. Novel ini memperlihatkan elemen-elemen psikologi di dalamnya dan menjadikan novel ini sesuai untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Masalah kejiwaan ini dilihat menerusi tindakan atau aksi watak, masalah yang menyebabkan kejiwaan kepada watak dan penyelesaian kepada konflik kejiwaan watak. Kajian ini melihat kepada psikologi pengarang mengenai dialog oleh watak-watak, tindakan watak-watak dan deskripsi (helah bela diri). Novel ini merupakan novel psikologi kerana kisah-kisahnya berkisarkan pesakit-pesakit jiwa dan kejiwaan pengarang terhadap tindakan kerajaan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). Kajian ini telah dibahagikan kepada enam bab untuk memudahkan kajian dilakukan dan dibicarakan. Novel ini merupakan sebuah novel hasil ciptaan kreatif dan penuh dengan keintelikualan pengarang yang berjaya mengetengahkan pelbagai disiplin ilmu dan pelbagai konflik kejiwaan menerusi watak-wataknya sehingga menghasilkan sebuah novel yang cukup menarik untuk dikaji. Kajian kepustakaan, wawancara dan sumber internet menjadi tempat untuk mendapatkan maklumat penting. Kajian ini sangat penting sebagai rujukan mengenai teori psikoanalisis. Kajian ini merupakan tambahan kepada idea-idea baru yang ingin disampaikan mengikut peredaran masa dan menambahkan kajian mengenai teori psikoanalisis juga kajian mengenai novel *Panggil Aku Melaju*. Walaupun menggunakan teks kajian yang sama, namun kajian lepas menganalisis unsur psikologi, manakala kajian sekarang menganalisis unsur nasionalisme. Kajian lepas ini paling dekat dengan kajian sekarang kerana mengkaji teks yang sama, walaupun menggunakan pendekatan yang berlainan.

## PERNYATAAN MASALAH

Novel *Panggil Aku Melaju* (*PAM*) sesuai untuk dikaji dari sudut nasionalisme kerana novel ini mengandungi isu yang mengangkat permasalahan dalam memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara Malaysia. Novel *PAM* jelas memaparkan permasalahan yang berlaku di negara kita terutama dalam bidang bahasa Melayu. Bahasa Melayu telah dipinggirkan oleh orang Melayu sendiri menyebabkan pengarang meluahkan ketidakpuasan hatinya terhadap perkara ini. Novel ini dihasilkan oleh pengarang, yang juga merupakan seorang doktor perubatan yang berpengalaman dalam bidang psikologi, banyak ilmu psikologi yang dapat dikongsi bersama-sama pembaca. Novel ini dihasilkan oleh pengarang sebagai tanda protes, seterusnya membuka serta menyelar pemikiran individu yang bersetuju terhadap perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dalam Sistem Pendidikan Negara.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengkaji nasionalisme dalam novel *Panggil Aku Melaju* (2008). Nasionalisme dalam kajian ini dihubungkan dengan gerakan kesedaran anggota masyarakat yang memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara Malaysia.

## TEKS KAJIAN

Dalam kajian ini hanya sebuah novel yang digunakan, memandangkan novel merupakan sebuah karya fiksyen yang panjang berbanding dengan cerpen. Novel yang dipilih ialah novel *PAM* yang dihasilkan oleh Rahmat Haroun Hashim pada tahun 2008. Novel ini mempunyai 393 halaman dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini dipilih kerana memperkatakan tentang isu Bahasa Melayu yang jelas mempunyai hubungan dengan nasionalisme Melayu. Novel ini mengisahkan mengenai konflik jiwa yang berlaku oleh watak yang berada di Institut Mental Negara (IMN). Di IMN inilah diperlihatkan bagaimana dua watak yang terpilih mengalami konflik jiwa. Konflik jiwa ini merupakan makna yang tersirat berkaitan dengan nasionalisme Melayu.

## BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan pada nasionalisme yang berkaitan dengan bahasa Melayu yang diperjuangkan oleh watak utama dalam novel *Panggil Aku Melaju* (2008). Konsep nasionalisme dipilih sebagai pendekatan kajian bagi memperlihatkan nasionalisme watak utama yang memperjuangkan bahasa Melayu daripada terpinggir di tanah airnya. Novel ini dihasilkan oleh seorang penulis yang berlatar belakangkan sains perubatan. Rahmat Haroun Hashim pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Anatomi, Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur. Beliau pernah bertugas sebagai doktor perubatan di beberapa buah hospital. Sejak tahun 1984, beliau mempunyai klinik persendirian di Petaling Jaya dan di Langkawi. Selain *Panggil Aku Melaju*, beliau turut menghasilkan novel *Di Ar Ti* (1989), *Terang Bulan* (1990), *Manuklon* (1990), *Sentuhan Oedipus* (1991), *Hikayat Neogenesis* (2003), dan *Fitrah Kimiawi* (2006).

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian salah satu kaedah yang sangat penting dalam sesuatu penyelidikan. Dengan adanya metodologi ini, pengkaji dapat mengumpul bahan-bahan yang penting untuk menghasilkan sebuah kajian yang bermutu. Kaedah yang digunakan ialah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan bertujuan untuk mengumpulkan data-data melalui pengumpulan jurnal, kertas kerja iaitu sebagai bahan sokongan untuk penulisan ini.

Sumber-sumber rujukan yang terkini dan sahih untuk dijadikan bahan kajian supaya lebih jelas. Metodologi ini juga dilakukan dengan mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat berkaitan tajuk penyelidikan tersebut. Konsep-konsep dan teori-teori tertentu daripada tokoh-tokoh yang mengkaji bidang ini dengan dapat difahami dengan lebih mudah. Pengumpulan maklumat sebegini dikenali sebagai pengumpulan bahan secara data sekunder.

Kaedah kepustakaan ini sangat membantu pengkaji dalam mengumpul data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Antara perpustakaan yang digunakan untuk mencari korpus kajian pengkaji ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Sultanah Bahiyah (UUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian kepustakaan dijalankan untuk mencari maklumat yang tepat mengenai teori yang dikemukakan oleh pengasas teori psikoanalisis berdasarkan tulisan-tulisan beliau sendiri. Pengkaji juga merujuk kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan barat mengenai teori psikoanalisis untuk memberikan penambahan baru mengenai teori ini.

## KONSEP NASIONALISME

Perkataan “nasionalisme berasal” daripada gabungan dua kata bahasa Inggeris, iaitu “*nation*” yang membawa maksud bangsa dan “*ism*” yang membawa maksud faham. Oleh yang demikian, nasionalisme boleh difahami sebagai faham yang menjunjung tinggi perasaan kebangsaan. Nasionalisme adalah satu ideologi atau kefahaman yang meletakkan negara dan bangsa pada tempat yang tinggi atau yang mencipta dan mempertahankan kedaulatan sesebuah negara (dalam bahasa Inggeris “*nation*”) dengan mewujudkan satu konsep identiti bersama untuk sekumpulan manusia. (Wikipedia Ensiklopedia Bebas, 25 April 2017, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Nasionalisme>). Perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yang mendalam pergerakan untuk mencapai kebebasan ekonomi dan politik daripada kuasa asing, semangat kebangsaan (*Kamus Dewan*, 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=nasionalisme>).

Daripada dua definisi nasionalisme di atas menggambarkan bahawa nasionalisme secara umumnya bermaksud satu fahaman atau semangat kebangsaan. Nasionalisme digunakan untuk menjelaskan sikap dan pendekatan yang berkaitan dengan perjuangan menentang kolonial serta pembelaan terhadap bangsa atau negara. Nasionalisme dilihat sebagai satu gerakan yang mencerminkan “*a state of mind, in which the supreme loyalty of the individual is felt to be due the nation-state...*” Dalam erti kata lain, satu gerakan nasionalisme itu adalah meletakkan kesetiaan seseorang itu hanya kepada negeri/negara atau bangsanya (Hans Kohn, 1965: 9; Mohd Faidz Mohd Zain et. al, 2011: 199, <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5012/2560>).

Menurut Sukarno (1988) nasionalisme adalah suatu konsep berkaitan kesetiaan individu yang diserahkan sepenuhnya kepada negara dengan mengutamakan penyatuan dan kesatuan bangsa, kepentingan dan keselamatan bangsa, namun pada masa yang sama masih memandang dan menghormati bangsa lain seperti bangsanya sendiri. Srijanti et. al (2009) menjelaskan bahawa terdapat tiga prinsip nasionalisme, iaitu pertama prinsip kebersamaan yang menuntut penerapan sikap “pengendalian diri”. Sikap ini berupaya membentuk kehidupan yang selaras dengan tuntutan supaya mengutamakan kepentingan bangsa dan negara berbanding dengan kepentingan diri sendiri. Kedua, prinsip persatuan dan kesatuan, iaitu merujuk kepada perpaduan yang utuh dan tidak berpecah belah walaupun mempunyai kepelbagaiannya agama, bangsa, amalan dan kepercayaan. Penyataan dan perpaduan ini berlaku didorong oleh keinginan untuk mencapai satu bentuk kehidupan bersama dalam sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan sejahtera. Ketiga, prinsip demokrasi iaitu memandang bahawa setiap warganegara mempunyai kedudukan, hak, dan kewajiban yang sama. Secara keseluruhan, prinsip nasionalisme menginginkan satu bentuk tekad dan azam setiap warganegara untuk mengutamakan kepentingan bangsa dan negara serta sanggup bertoleransi sesama sendiri bagi memastikan kemakmuran, kedaulatan dan kemakmuran negara. Secara ringkas, nasionalisme memerlukan sikap atau perilaku yang diwujudkan untuk membentuk membangunkan negara bangsa.

Nasionalisme sebagai gerakan kesedaran anggota masyarakat yang lebih menitikberatkan penentuan nasib sendiri, bangsa dan negara. Gerakan kesedaran adalah bertujuan untuk mencapai kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati yang timbul oleh adanya tekanan-tekanan sosial, ekonomi, politik dan pengaruh asing (Elie Kedourie, 1966: 73). Perkara ini turut memperlihatkan kesetiaan tertinggi individu seharusnya diserahkan kepada negara. Kesetiaan itu haruslah menjadi suatu hasrat dan sentimen yang berkembang melalui pelbagai kesan pengalaman hidup sesuatu masyarakat di dalam kawasan tertentu dengan matlamat terakhirnya untuk menegakkan sebuah negara berdaulat. Oleh itu, nasionalisme adalah satu idea, satu tenaga idea yang memenuhi otak dan hati seseorang dengan pemikiran dan semangat yang baru, dan mendorongnya untuk melahirkan kesedaran

dalam bentuk tindakan-tindakan yang tersusun (Hans Khon, 1965: 9; Mohd Faidz Mohd Zain et. al, 2011: 199, <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5012/2560>).

Daripada pandangan-pandangan tersebut, maka dapat difahami bahawa nasionalisme meletakkan kesetiaan seseorang itu hanya kepada bangsa dan negaranya. Semangat nasionalisme turut membangkitkan kesedaran kepada masyarakat Melayu supaya bangun membela dan mempertahankan hak mereka di negara mereka sendiri.

## ANALISIS

Dalam novel *Panggil Aku Melaju*, watak Dr Ridzuan merupakan penggerak utama. Watak utama ini merupakan seorang ahli arkeologi, filologi dan etnolinguistik, juga merupakan pejuang bahasa Melayu yang terkenal di salah sebuah universiti tempatan. Tindakan kerajaan yang melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), telah menyebabkan Dr Ridzuan mengalami gangguan perasaan yang akhirnya menyebabkan dirinya mengalami konflik jiwa. Dalam era globalisasi kini, bahasa Inggeris telah dimartabatkan sebagai bahasa intelektual dan bahasa ekonomi dunia. Hal ini menyebabkan terdapat pihak-pihak tertentu yang sanggup meminggirkan bahasa Melayu dan bangsa sendiri dengan beranggapan bahawa negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan adalah negara yang ketinggalan zaman. Disebabkan oleh perkara ini, Dr Ridzuan bangkit bersama-sama pejuang-pejuang bahasa Melayu yang lain untuk menghalang usaha kerajaan daripada meminggirkan bahasa sendiri. Namun, usaha mereka adalah sia-sia sahaja. Dr Ridzuan sebagai seorang yang sangat cintakan bahasanya tidak mengenal erti putus asa. Dia terus-menerus bangkit memperjuangkan bahasa dengan memprotes perlaksanaan PPSMI, tetapi tindakannya terbatas kerana terhalang oleh kuasa pemerintah. Bagi Dr Ridzuan, jika bukan anak jati negara itu sendiri yang memartabatkan bahasa dan bangsa sendiri siapa lagi yang akan memartabatkannya. Analisis terhadap bahasa Melayu dan tulisan jawi, serta bantahan terhadap PPSMI difokuskan dalam kajian ini untuk memperlihatkan nasionalisme dalam teks kajian.

## BAHASA MELAYU DAN TULISAN JAWI

Bahasa Inggeris telah menjadi semakin penting dalam era globalisasi, iaitu bahasa ini dianggap sebagai bahasa ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang mampu merentasi sempadan mana-mana negara. Sebagai bahasa hubungan antarabangsa maka sudah tentu khalayak dapat mencapai dan mendapat maklumat terkini dengan pantas. Sehubungan itu, melihat kepada kepentingan bahasa Inggeris ini, maka pelaksanaan PPSMI pada tahun 2003 telah dicadangkan oleh pihak kerajaan. Pada masa yang sama pelaksanaannya memberi peluang kepada guru dan pelajar menggunakan bahasa Inggeris dan meningkatkan kecekapan berkomunikasi dalam bahasa tersebut di dalam bilik darjah. Seterusnya, PPSMI ini dilakukan secara berperingkat, iaitu bermula pada tahun 2003 bagi pelajar Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah di semua Sekolah Kebangsaan (SK). Selanjutnya, program PPSMI ini mula dilaksanakan secara sepenuhnya dalam bahasa Inggeris menjelang tahun 2008. Soalan-soalan peperiksaan pula, disediakan dalam bentuk dwibahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan dasar PPSMI dimansuhkan sepenuhnya pada 2012 (PPSMI dimansuhkan sepenuhnya mulai 2012, 8 Julai 2009, <https://www.malaysiakini.com/news/108063>).

Nasionalisme dalam *Panggil Aku Melaju* dapat dilihat pada sensitiviti Dr Ridzuan terhadap kurangnya penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan serta urusan surat-menjurat terutama di hospital kerajaan (Fariza et. al, 2018). Dalam konteks ini, hal

yang dimaksudkan beliau adalah penggunaan bahasa Inggeris yang meluas yang menggantikan bahasa Melayu dalam borang-borang serta laporan kesihatan di Institut Mental Negara. Perasaan marah dan kecewa Dr Ridzuan terhadap penggunaan bahasa Melayu yang tidak diaplikasikan secara menyeluruh dalam urusan kerajaan yang melibatkan orang awam yang kebanyakannya berbangsa Melayu. Dia mengutuk dan memperlekeh-lekehkan penggunaan perkataan "*race*" dalam borang kesihatan yang perlu diisinya. Baginya, perkataan "*race*" bukan bererti bangsa dan berbeza sama sekali dengan takrifan bangsa yang sebenar. Dr Ridzuan berasa kesal kerana kebanyakannya urusan rasmi kerajaan masih lagi menggunakan bahasa Inggeris dengan menidakkannya bahasa Melayu. Dia tidak mengikut arahan atau kehendak borang supaya diisi apa "*race*" atau bangsa beliau, malahan beliau mempersendanya dengan gurauan sinis dengan meletakkan jawapan "100 meter acara balapan" dalam ruangan itu. Dia menegaskan bahawa perkataan yang seharusnya ditulis dalam borang itu "bangsa" dan bukannya "*race*". (Rahmat Haroun, 2008: 55). Hal ini memperlihatkan betapa nasionalisme kental pada jiwa Dr Ridzuan yang sangat menyayangi bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negaranya. Ini jelas dapat dihubungkan dengan konsep nasionalisme sebagai gerakan kesedaran anggota masyarakat yang lebih menitikberatkan penentuan nasib sendiri, bangsa dan negara. Gerakan kesedaran adalah bertujuan untuk mencapai kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati yang timbul disebabkan adanya tekanan-tekanan sosial, ekonomi, politik dan pengaruh asing (Elie Kedourie, 1966: 73).

Dr Ridzuan turut menyedari bahawa makna "Melayu" itu sendiri ada kelemahannya yang menggambarkan tentang bangsa Melayu itu sendiri. Ini menjadi alasan kukuh mengapa Dr Ridzuan membenci perkataan "Melayu" dan ingin menuarkannya menjadi bahasa "Melaju". Mengikut kajian beliau, makna "Melayu" itu sendiri merupakan ketidakcerdasan dan kemalasan. Makna negatif inilah yang menjadi punca orang Melayu itu mundur dan gagal membangun tidak seperti bangsa-bangsa lain yang berjaya. Dr Ridzuan mencadangkan supaya nama "Melayu" itu ditukar kepada bahasa "Melaju" kerana "Melaju" itu bermaksud seseorang yang laju, rajin, yang inginkan kemajuan serta berdaya saing. Namun, cadangan beliau itu ditolak mentah-mentah sewaktu Dr. Ridzuan membentangkannya dalam seminar bahasa. Dr Ridzuan juga mengarahkannya untuk tidak menyukai perkataan "Melayu" disebabkan oleh makna negatif "Melayu" yang lain. Nama "Melayu" itu dalam bahasa Inggeris, iaitu "*Malays*" berasal daripada dua suku kata, iaitu "mal" dan "lay". Maknanya, orang Melayu itu suka berbaring-baring secara berlebihan atau dalam erti kata lain, malas. "*Malays*" juga berasal daripada bahasa Greek, iaitu "*malaise*" dan berubah seterusnya menjadi "*malais*" dan dijelaskan dalam bahasa Melayu, iaitu "malas" (Rahmat Haroun, 2008: 164). Hal ini memperlihatkan nasionalisme yang hendak diperlihatkan dalam watak Dr Ridzuan. Cadangan pertukaran "Melaju" kepada "Melayu" merupakan simbolik terhadap suntikan semangat yang diberikan kepada bangsa Melayu. Mereka diseru supaya bergerak maju ke hadapan dan membuang rasa malas yang berterusan dalam diri mereka. Perkara yang dilakukan oleh Dr Ridzuan ini jelas memperlihatkan gerakan kesedaran yang dilakukannya adalah bertujuan untuk mencapai kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati yang timbul oleh adanya tekanan-tekanan sosial, ekonomi, politik dan pengaruh asing (Elie Kedourie, 1966: 73).

Dr Ridzuan merasakan bahawa sebagai seorang perjuang bahasa, tetapi usahanya dirasakannya sebagai sia-sia dan sama seperti nasib pejuang-pejuang bahasa yang lain. Beliau merasakan bahawa dirinya sebagai seorang pejuang bahasa, dan oleh yang demikian perasaannya sangat sensitif apabila ada pihak yang cuba memperlekehkan bahasa dan bangsanya. Inilah perkara yang berlaku kepada Dr Ridzuan. Dia tidak mampu untuk bersuara apa-apa demi bahasanya kerana dia hanya orang biasa yang tidak mempunyai pangkat dan kuasa. Sensitiviti Dr Ridzuan dapat dilihat apabila dia bersungguh-sungguh

mahu memartabatkan dan mempertahankan bahasa Melayu. Dia mahu mempertahankan bahasanya apabila bahasa Inggeris dimartabatkan sebagai bahasa intelektual. Bagi diri Dr Ridzuan sebagai seorang anak jati Melayu, dia tidak mahu bahasa Melayu menerima nasib yang sama dengan tulisan Jawi. Hal ini jelas memperlihatkan gerakan kesedaran yang dilakukan oleh Dr Ridzuan bagi mencapai kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati yang timbul oleh adanya tekanan-tekanan sosial, ekonomi, politik dan pengaruh asing seperti yang dijelaskan dalam konsep nasionalisme oleh Elie Kedourie (1966: 73).

Bahasa Melayu dan tulisan Jawi sangat berkait rapat antara satu sama lain. Tulisan Jawi merupakan salah satu daripada warisan dunia Melayu. Tulisan Jawi telah wujud dan digunakan sebagai tulisan rasmi Melayu iaitu sejak abad ke-14. Bagaimanapun, selepas kedatangan orang-orang Eropah ke Tanah Melayu pada dekad-dekad yang berikutnya, tulisan Jawi mula digunakan seiring dengan tulisan Rumi. Namun ada usaha gigih yang dibuat oleh ahli-ahli bahasa untuk mengetepikan tulisan Jawi dan sekaligus menjadikan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi negara. Sejak itu, tulisan Jawi mula tergugat. Pada tahun 1985, tulisan Jawi telah mula diberikan perhatian oleh masyarakat Melayu. Namun, tulisan Jawi ini kurang berkesan kerana ramai anak muda dan orang dewasa telah buta Jawi. Di Semenanjung Tanah Melayu, Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) telah menghantar satu memorandum kepada kerajaan yang bertarikh 27 Mac 1957 dengan mengemukakan pelbagai alasan bagi menunjukkan kelebihan tulisan Rumi dan tulisan Jawi sebagai media perutusan Melayu (Kang Kyong Seock, 1990).

Dalam novel *Panggil Aku Melaju*, kebimbangan terhadap nasib tulisan Jawi di negara sendiri diperlihatkan melalui watak utama Dr Ridzuan. Dia berasa bimbang jika tulisan Jawi turut mengalami nasib yang sama seperti bahasa Melayu. Jika dibiarkan bahasa Inggeris digunakan secara rasmi, maka adalah tidak mustahil tulisan Jawi juga akan dipinggirkan dan menerima nasib yang sama seperti bahasa Melayu. Bahasa Melayu dan tulisan Jawi tidak adaptif dipisahkan dan saling berhubungan. Kedua-duanya merupakan jati diri bangsa Melayu dan dapat mengganggu sensitiviti orang Melayu yang kuat semangat nasionalismenya terhadap negara mereka. Namun matinya bahasa Melayu, tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan oleh orang Melayu itu sendiri. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah, iaitu:

"Kalau sudah diajar dalam bahasa Inggeris dari tahun satu, mana mungkin akan ada khalayak pembaca penerbitan bahasa Melayu pada masa akan datang. Bahasa Melayu ilmiah akan mati. Mati dibunu! Ironisnya, oleh orang Melayu sendiri" (Rahmat Haroun, 2008: 325).

Kebimbangan yang dialami oleh Dr Ridzuan terhadap bahasanya jelas difahami dalam petikan teks kajian tersebut. Jika dibiarkan bahasa Inggeris dijadikan bahasa intelektual di negara ini, berkemungkinan besar nasib bahasa Melayu akan sama dengan nasib tulisan Jawi. Bahasa Melayu akan diketepikan oleh masyarakatnya dan yang kekal hanyalah nama pada bangsa dan negara sahaja atau berkemungkinan besar akan ditukar nama Melayu kepada nama Inggeris agar menjadi lebih gah lagi. Seharusnya anak jati Melayu sendiri yang harus mempertahankan maruah bangsa dan bahasanya kerana kalau bukan anak bangsa sendiri siapa lagi yang boleh mempertahankan maruah Melayu. Mungkinkah kata-kata Hang Tuah: "Takkan Melayu hilang di dunia" hanya tinggal sebagai cerita mitos sahaja. Dr Ridzuan menyedari akan tanggungjawabnya sebagai seorang pejuang bahasa Melayu, sudah tentu semangat nasionalisme sangat kuat berada dalam dirinya. Kebimbangan dan perasaan tanggungjawab Dr Ridzuan dalam memperjuangkan bahasa Melayu jelas memperlihatkan satu gerakan nasionalisme itu adalah meletakan kesetiaan seseorang itu hanya kepada negeri/negara atau bangsanya (Hans Kohn, 1965: 9; Mohd Faidz Mohd Zain et. al, 2011: 199,

<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5012/2560>). Dr Ridzuan jelas merupakan seorang rakyat yang sangat setia kepada negaranya dengan memperjuangkan kepentingan bahasa Melayu di negaranya.

Kecelaruan yang berlaku pada diri Dr Ridzuan menyebabkan dia tidak mampu untuk menanggung beban yang dihadapinya. Bagi dirinya yang sangat menyayangi bangsanya, biarlah dia mati seperti mana matinya bahasa Melayu. Konflik batin terus-menerus menghantui dirinya sehingga menyebabkan dia kehilangan pertimbangan dan akhirnya mengambil jalan terakhir yang tragis, iaitu dengan membunuh diri. Hal ini dapat dilihat menerusi peristiwa di bawah:

Apabila bahasa Melayu itu mati, maka Dr Ridzuan mahu mati bersama-sama samanya. Memang benar tidak pernah orang menyatakan demi bangsa, seseorang itu sanggup mati. Demi negara dan bangsa, orang sanggup berkorban. Tidak bahasa. Tetapi, dia bukan orang-orang. Atau patung yang dipacak menghalau burung-burung perosak. Baginya, bahasa itu jiwa bangsa. Bangsa tanpa bahasa maknanya tanpa jiwa. Sukmanya tiada, rohnya juga tiada. Biarlah bahasa Melayu itu mati dan bangsa Melaju itu hidup sebagai bahasa pemaju yang mendewakan agenda globalisasi (Rahmat Haroun, 2008: 378-379).

Jelas memperlihatkan tentang Dr Ridzuan merasakan bahawa mati merupakan jalan terakhir bagi dirinya kerana tidak sanggup melihat bahasanya mati di tangan barat. Baginya biarlah dia mati bersama-sama bahasanya. Konflik batin Dr Ridzuan berlaku secara terus-menerus menyebabkan dia bertindak membunuh diri. Kematian Dr Ridzuan melambangkan kematian bahasa Melayu. Baginya lebih baik dia mati demi bahasanya daripada melihat bahasanya menjual bahasanya demi mengejar kuasa, kekayaan, kemajuan dan kepentingan peribadi. Jelas memperlihatkan kesetiaan terhadap bangsa dan negaranya seperti dalam konsep nasionalisme yang dijelaskan oleh Hans Kohn (Hans Kohn, 1965: 9; Mohd Faidz Mohd Zain et. al, 2011: 199, <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5012/2560>), iaitu nasionalisme oleh satu gerakan nasionalisme itu adalah meletakan kesetiaan seseorang itu hanya kepada negara atau bangsanya.

## BANTAHAN TERHADAP PPSMI

Isu pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) merupakan satu isu berulang masa kini. Sejak tahun 2003 PPSMI telah diperkenalkan berperingkat-peringkat dengan dimulai Tahun 1 untuk peringkat sekolah rendah, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Rendah untuk sekolah menengah. Isu ini telah menjadi kontroversi setelah pelbagai kajian yang dijalankan menunjukkan kelemahan dasar PPSMI. Keputusan UPSR 2009 yang diumumkan menampakkan kemerosotan yang ketara. Peratusan murid yang mendapat gred A, B dan C bagi mata pelajaran Sains dalam UPSR pada tahun tersebut telah merosot daripada 85.1 peratus kepada 82.5 peratus bagi sekolah bandar dan daripada 83.2 peratus kepada 79.7 peratus bagi sekolah luar bandar. Bagi mata pelajaran Matematik, pencapaian murid bandar telah merosot daripada 84.8 peratus kepada 80.9 peratus, manakala pencapaian murid luar bandar merosot daripada 80.9 peratus kepada 77 peratus (Malaysiakini, 8 Julai 2009 dlm. Tuah Ishak & Mohini Mohamed, 2010: 96).

Satu kajian antarabangsa yang melibatkan lebih 49 buah negara, Trends in Mathematics and Science Study 2007 turut menyatakan bahawa kedudukan murid Malaysia dalam Sains

merosot ke tangga 21 daripada tangga ke-20 pada tahun 2003. Bagi mata pelajaran Matematik pula, kedudukan murid kita juga telah merosot daripada tangga ke-10 pada tahun 2003 ke tangga ke-20 pada tahun 2007 (TIMSS 2007 dan TIMSS 2003 International press release). Kemuncak isu PPSMI ini ialah apabila lebih 8,000 menyertai demonstrasi membantah PPSMI dengan berarak ke Istana Negara pada Mac 2009. Demonstrasi ini didukung oleh Gerakan Mansuhkan PPSMI (GMP) yang diketuai oleh dua orang Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said dan Datuk Dr. Hassan Ahmad. Akhirnya pada Julai 2009, Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan dasar PPSMI dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2012. Kajian ini telah dijalankan secara bebas daripada isu yang berkisar sama ada pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik patut dilaksanakan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu (Tuah Ishak & Mohini Mohamed, 2010: 96).

Dalam isu PPSMI ini, *novel Panggil Aku Melaju* merupakan karya yang memperlihatkan satu bentuk wacana yang digunakan bagi melepaskan segala tekanan yang menghantunya sebagai seorang pejuang bahasa. Karya ini memperlihatkan sikap memprotes PPSMI. Terdapat alasan yang tersendiri untuk membidas dan menyindir tindakan pihak yang bertanggungjawab melalui dialog-dialog yang diucapkan oleh watak dalam novel *Panggil Aku Melaju*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan-petikan berikut:

“Tidak semua mereka yang menguasai bahasa Inggeris mampu memahami konsep Sains dan pemikiran Matematik. Mereka harus ada otak sains dan otak matematik untuk menguasai ilmu-ilmu tersebut.”

“Jadi kalau anak bangsa kita boleh belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, akan terjadi *brain drain* ke negara Barat. Kita susah-susah mendidik mereka, akhirnya mereka meninggalkan Malaysia untuk bekerja di luar negara yang tentunya memberi ganjaran wang dolar dan pound yang jauh lebih besar.” (Rahmat Haroun, 2008: 318).

“Kalau tidak mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, kita seolah-olah menafikan realiti ilmu.”

“Kalau sudah diajar dalam bahasa Inggeris dari tahun satu, mana mungkin akan ada khalayak pembaca penerbitan bahasa Melayu pada masa akan datang. Bahasa Melayu ilmiah akan mati. Mati dibunuh! Ironisnya, oleh orang Melayu sendiri” (Rahmat Haroun, 2008: 324 & 325).

Ketidakpuasan hati watak jelas diperlihatkan. Dalam novel ini, sebenarnya secara tersirat yang mahu disampaikan adalah mengenai isu bahasa Melayu. Isu ini mungkin adalah isu sensitif yang melibatkan bahasa ibunda mereka, hak keistimewaan orang Melayu, jati diri dan sebagainya. Namun demikian, ada juga sesetengah orang yang menganggap bahawa isu ini tidak penting dan hanya yang dimainkan untuk kepentingan politik.

Perkara ini dilihat sebagai satu dasar yang akan mengulangi sejarah kemerosotan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik (dalam PPSMI). Bagi tujuan memperkuuh bahasa Inggeris, kaedah pengajaran perlu dikemas kini dan diperkasa, dan bukannya menjadikan mata pelajaran Sains dan Matematik sebagai mangsa korban. Bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu amat penting dan berkesan dalam mempelajari dan menguasai pelajaran Sains dan Matematik (Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan, 2016: 2- 3). Hal ini dilihat kerana bahasa Melayu lebih merakyat dan terbukti mampu mengajarkan Sains dan Matematik serta lebih mudah difahami.

Berikut adalah ringkasan kronologi tentang pelaksanaan PPSMI (PPSMI dimansuhkan sepenuhnya mulai 2012. 8 Julai 2009. <https://www.malaysiakini.com/news/108063>):

Julai 2002 - Mesyuarat khas jemaah menteri, waktu itu perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, meluluskan dasar baru Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Januari 2003 - Dasar ini diperkenalkan berperingkat-peringkat dengan dimulai Tahun 1 untuk peringkat sekolah rendah, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Rendah untuk sekolah menengah.

Januari 2007 - Pelaksanaan penuh PPSMI untuk peringkat sekolah menengah.

Januari 2008 - Pelaksanaan penuh PPSMI untuk peringkat sekolah rendah.

Mac 2009 - Lebih 8,000 menyertai demonstrasi membantah PPSMI dengan berarak ke Istana Negara. Ia didukung Gerakan Mansuhkan PPSMI (GMP) yang diketuai oleh Datuk A. Samad Said dan Datuk Dr Hassan Ahmad.

Mac 2009 - Satu kajian mendapati PPSMI hanya berjaya meningkatkan empat peratus penggunaan bahasa Inggeris, tetapi sebaliknya mengurangkan minat untuk mempelajari Sains dan Matematik.

Kajian 53 pakar bahasa itu, merumuskan dasar kontroversi tersebut "menimbulkan kerugian berganda kepada murid terutama kepada 75 peratus murid yang tergolong dalam kategori (pencapaian) sederhana dan lemah dalam tiga mata pelajaran terbabit, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik."

Mei 2009 - Lima orang Sasterawan Negara yang masih hidup menolak dasar ini - sekali gus mencipta rekod sejarah budayawan menentang dasar kerajaan tersebut.

Jun 2009 - Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar turut mempertikaikan dasar tersebut dengan memberi amaran "janganjadikan pelajar bahan ujian" dasar yang "jelas mempunyai pelbagai kelemahan ketara."

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula berkata "salah, tidak beretika dan tidak rasional jika dasar pendidikan negara diputuskan melalui prasangka, emosi, persepsi dan andaian individu-individu tertentu yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan sebenarnya."

Julai 2009 - Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan dasar PPSMI dimansuhkan sepenuhnya pada 2012.

Melalui rentetan peristiwa secara ringkas di atas dapat menggambarkan dengan lebih jelas lagi tentang pelaksanaan PPSMI dalam bahasa Inggeris pada tahun 2002 dan dimansuhkan pada tahun 2012. Namun demikian dapat dilihat dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bahasa Inggeris dijadikan sebagai pilihan kepada pelajar dalam menjawab soalan dalam peperiksaan.

Anak bangsa Malaysia sebelum era PPSMI (2003-2009), lebih mudah memahami bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu seperti dibuktikan selama lebih 20 tahun (1980-2003) dan mereka tetap cemerlang dalam pelajaran sehingga ke peringkat universiti dan berjaya dalam kerjaya masing-masing. Lebih lima juta orang pelajar termasuk Melayu dan bukan Melayu telah melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam bahasa Melayu dan mereka tetap meraih kejayaan yang cemerlang, terutamanya ijazah kepujian kelas pertama pada peringkat universiti. Pada ketika itu juga ribuan buku rujukan khususnya bagi bidang sains dan teknologi di universiti berbahasa Inggeris kerana buku rujukan berbahasa Melayu masih terhad bilangannya. Kini keadaannya telah berubah. Walaupun masih belum mencukupi dan perlu diteruskan lagi tetapi jumlah penerbitannya boleh dibanggakan hasil usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Hal ini, dapat menindakkan rasional pelaksanaan Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) dengan menggunakan alasan masa pendedahan bahasa Inggeris kepada

para pelajar supaya mereka lebih bernilai dari segi keperluan dan kepentingannya dalam ekonomi (Ashairi Suliman, 2017). Selain itu, pelaksanaan DLP ini juga dikatakan bahawa para pelajar tidak akan ketinggalan dalam penguasaan bahasa Inggeris dan dapat mengatasi pengangguran yang disebabkan masalah tidak fasih dalam berbahasa Inggeris (Shaharir Mohd Zain; Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan, 2016: 31).

Daripada analisis ini dapatlah dirumuskan bahawa isu PPSMI ini sangat diambil perhatian oleh Dr Ridzuan yang sangat cintakan negara, masyarakat dan bahasa Melayu. Keresahan jiwa yang dialami pengarang telah diluahkan dalam novel *Panggil Aku Melaju*. Luahan perasaan pengarang yang berterusan memprotes tindakan kerajaan yang cuba membunuh bahasa Melayu dan mengantikannya dengan bahasa Inggeris. Sebagai anak Melayu sudah tentu pengarang mengharapkan sokongan seluruh anak-anak Melayu agar terus bangun dan sedar akan pemimpiran bahasa Melayu. Watak Dr Ridzuan digerakkan melalui suntikan psikologi oleh pengarang bagi memperlihatkan bahawa melalui penguasaan bahasa Melayu, anak-anak Melayu akan mempunyai jati diri yang teguh seterusnya berjaya dalam kehidupan mereka tanpa meminggirkan bahasa Inggeris. Watak Dr Ridzuan jelas memperlihatkan nasionalisme yang berada dalam dirinya seperti yang dijelaskan oleh Hans Khon (1965: 9), nasionalisme adalah satu idea, satu tenaga idea yang memenuhi otak dan hati seseorang dengan pemikiran dan semangat yang baru, dan mendorongnya untuk melahirkan kesedaran dalam bentuk tindakan-tindakan yang tersusun. Dari awal sehingga akhir cerita Dr Ridzuan tetap bersemangat dan konsisten dalam gerakan nasionalisme. Hal ini diperlihatkan bagaimana Dr Ridzuan cuba sedaya upaya untuk memperjuangkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi agak tidak terpinggir di negaranya sendiri.

## KESIMPULAN

*Panggil Aku Melaju* telah membawa isu yang serius untuk memperlihatkan nasionalisme di negara Malaysia. Nasionalisme diperlihatkan melalui isu bahasa Melayu pada hari ini yang dilihat sebagai bahasa rasmi negara yang semakin terpinggir. Satu perkara yang malang dilihat apabila bangsa Melayu terpaksa menjadi pengemis di tanah air sendiri. Watak Dr Ridzuan yang digarap dalam novel ini menyiratkan maksud tentang nasionalisme Melayu. Siratan ini diperlihatkan melalui isu bahasa Melayu yang dipinggirkan oleh bangsa Melayu di negaranya sendiri. Keterpinggiran bahasa Melayu dijalankan secara terancang di negara yang didiami oleh bangsa sendiri menyebabkan novel ini dilihat dari sudut kembara atau perantauan minda yang diiringi dengan nasionalisme dalam diri untuk membela bahasa ibundanya. Watak Dr Ridzuan dalam *Panggil Aku Melaju* secara jelas turut menggambarkan nasionalisme pengarang dalam memperjuangkan bahasa Melayu di tanah air tercinta.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan. 2016. *Kami Bantah DLP*. Kuala Lumpur: GAPENA & Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Ashairi Suliman, Mohamed Yusoff Mohd Nor, Melor Md Yunus. 2014. *Jurnal GEMA Online*, 17 (4), 128-145.
- Che Abdullah Che Ya. 2009. Analisis Terhadap Beberapa Novel Terpilih, *Jurnal Melayu* (4), 29-42.
- Kamus Dewan*. 2017. (Atas Talian). Muat turun 10 Oktober 2017, dari <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=nasionalisme>.
- Khadijah. 2016. Wacana Nasionalisme Dalam Novel Penakluk Badai Karya Aguk Irawan Mn, *Jurnal Studi Agama dan Masyarakat*, 12 (1), 35-56.
- Kedourie, Elie. 1966. *Nasionalism*. London: Hutchinson University Library.
- Kang, Kyoung Seock. 1990. Perkembangan tulisan jawi dalam masyarakat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khon, Hans. 1965. *Nationalism: Its Meaning and History*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Maisarah Yaacob & Maharam Mamat. 2015. Patriotisme dalam novel komsas Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu (SeAPM) 2014, IPG Keningau-DBP, 9-11 September 2014, Hotel Keningau Sabah.
- Mohammad Haris Abd Azis. 2016. Keunggulan Dan Nilai Lagu Patriotik Berdasarkan Aspek Pemilihan Kata Dalam Lirik Dan Kesesuaian Elemen Muzik, International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 769-780, Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs> Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.554> 769.
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2012. Pewacanaan Identiti Bangsa Dalam Sastera Selepas Merdeka: Pengalaman Malaysia, *Konferensi Internasional Kesusastraan XXII* UNY-HISKI, 2012, 51 -72.
- Mohd Faidz Mohd Zain. 2011. Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam Umno. *Jurnal Melayu*, 7, 193 – 216.
- Noor Azlin Ayuni Binti Mohd. 2015. Novel Panggil Aku Melaju: Analisis Psikologi Watak dan Pengarang. Unpublished Ph.D dissertation, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- PPSMI dimansuhkan sepenuhnya mulai 2012. (8 Julai 2009). (Atas Talian). Muat turun 10 Oktober 2017, dari <https://www.malaysiakini.com/news/108063>.
- Rahmat Haroun. 2008. *Panggil Aku Melaju*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosmeri Saragih. 2015. Analisis Nilai Moral, Nilai Nasionalisme dan Nilai Pendidikan dalam Novel “5 Cm” Karya Donny Dhiringantoro, *Jurnal Elektronik ARTIKULASI*, 2 (1), 1-6.
- Srijanti dkk. 2009. *Pendidikan Kewarganegaraan untuk Mahasiswa*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Suharmono K. 2012. Nasionalisme Dalam Dua Novel Emigran Malaysia, *Konferensi Internasional Kesusastraan Xxii* Uny-Hiski, 7, 73-78.
- Sukarno. 1988. *Pemikiran Politik dan Kenyataan Praktek*. Jakarta: CV Rajawali.
- Tuah Ishak & Mohini Mohamed. 2010. Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): Suatu Isu Berulang. *Jurnal Teknologi*, 53, 95–106.
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas. (25 April 2017). (Atas Talian). Muat turun 10 Oktober 2017, dari <https://ms.wikipedia.org/wiki/Nasionalisme>.
- Wildan. 2011. *Nasionalisme dan Sastra: Doktrin, Misi dan Teknik Penyampaian Nasionalisme dalam Novel A. Hasjmy*. Banda Aceh: Penerbit Geuci.

### PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Fundamental Research Grant Scheme dengan kod **FRGS/FP087-2018A**

#### Biodata Penulis:

**Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali** adalah Profesor Madya di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang Kesusasteraan Melayu Moden, Teori dan Kritikan Sastera, dan Penyuntingan Sastera.

**Mawar Safei** adalah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu) Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau dalam bidang sastera dan kreativiti.

**Kamariah Kamarudin** adalah Profesor Madya di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Islam dan Penulisan Kreatif.

**Maharam Mamat** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau adalah Kesusasteraan Melayu Moden, Sastera Alam Sekitar, dan Penulisan Kreatif.